

PM harap kumpulan Abu Sayyaf bebas semua tebusan

UM 27 JUN 2000
SUBANG 26 Jun — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berharap kumpulan Abu Sayyaf akan membebaskan semua tebusan dan bukan setakat tebusan rakyat Malaysia sahaja.

Katanya, kumpulan berkenaan perlu berbuat demikian kerana jika tidak, masyarakat dunia akan melihat mereka sebagai kumpulan pengganas yang tidak berprinsip.

“Mereka telah mencapai apa yang hendak dicapai iaitu mendapatkan perhatian mengenai perjuangan mereka,” katanya pada sidang akhbar kembalinya dari Sidang Kemuncak Ke-10 Kumpulan Negara-Negara Membangun (G-15) di Kaherah di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya harapannya dalam krisis tahanan Pulau Sipadan berikutan pembebasan rakyat negara ini, Zulkarnain Hashim oleh kumpulan Abu Sayyaf, kelmarin.

Zulkamain, pekerja Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) di Tawau, Sabah, dibebaskan selepas ditahan selama 62 hari atas dasar peri kemanusiaan berikutan masalah kesihatan yang dialaminya.

Dr. Mahathir berkata, jika kumpulan Abu Sayyaf terus menahan tebusan lain, tindakan mereka itu akan menjajaskan matlamat asal perjuangannya.

Menurutnya, Malaysia akan memaklumkan isu tersebut kepada anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) peringkat menteri luar yang akan bermesyuarat di sini mulai esok.

Dr. Mahathir menambah, beliau tidak mengetahui bentuk tindakan yang akan diambil oleh OIC bagi menyelesaikan krisis tebusan itu.

Ditanya apakah OIC akan diminta untuk memujuk atau memaksa kumpulan Abu Sayyaf membebaskan tebusan itu, kata Perdana Menteri: “Kita tidak tahu, kita tidak ada perancangan lain melainkan memaklumkan kepada OIC.”

Kepada satu soalan, Perdana Menteri menegaskan pendirian Malaysia yang tidak akan membayar wang tebusan kepada kumpulan Abu Sayyaf.